

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 38 RABU 17 SEPT., 1969 1389 رابو 5 رجب PERCHUMA

ISTIADAT MENGURNIAKAN GELARAN MUDIM

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan gelaran Mudim kepada Haji Awang Mohammad Yusof bin Jafaruddin.

Istiadat mengurniakan gelaran tersebut telah berlangsung di-Rumah Besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara pada hari Isnin lepas.

Antara yang hadir di-istiadat tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Yang Di-Muliakan Pehin2.

Surat lantikan sa-bagai Mudim kepada Haji Awang Mohammad Yusof itu telah di-bacakan oleh Mudim Awang Mohammad Yusof bin Abdul Latif.

Istiadat mengurniakan gelaran itu telah di-akhiri dengan bacaan do'a selamat disampaikan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Haji Abdul Hamid.



Gambar menunjukkan ketika istiadat mengurniakan gelaran 'Mudim' kepada Haji Awang Mohammad Yusof (di-tengah2).

Daftar2 pengundi boleh di-pereksa di-Pejabat2 Daerah

BANDAR BRUNEI. — Surohanjaya Pilehan Raya telah pun siap mengubah daftar2 pengundi.

Penyelia Pilehan2 Raya, Dato Paduka Awang Matnoor McAfee berkata, daftar2 pengundi yang di-ubah itu sekarang boleh di-pereksa di-pejabat2 daerah di-seluruh negeri hingga 4 Oktober hadapan.

Dalam tempoh itu orang2 yang berkenaan boleh membuat tuntutan atau bantahan mengenai daftar2 pengundi yang di-fikirkan tidak betul.

Sa-lama sa-bulan hingga 12 Ogos yang lalu, rombongan pegawai pendaf-tar dari Surohanjaya Pilehan Raya telah melawat ka-kampung2 di-seluruh negeri untuk menjalankan kerja2 pendaftaran sa-bagai persiapan untuk di-ubah.

Pendaftaran itu di-lakukan kepada mereka yang dari sejak perubahan daftar2 pengundi yang lalu yang telah memperolehi sijil2 keraayaan dan mereka yang layak mendaftar, tetapi tidak berbuat demikian pada tahun lalu.

D.Y.M.M. berangkat ka-Johor

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan rombongan akan berangkat meninggalkan Brunei kerana melakukan lawatan rasmi ka-Johor, Malaysia pada hari Khamis esok, 18 September.

Ketua2 Jabatan Kerajaan dan Pegawai2 Perkhidmatan Pentadbiran ada-lah di-kehendaki berada di-lapangan terbang Berakas pada jam 8.30 pagi untuk meng-ucapkan selamat berangkat kepada Baginda dan rombongan.

Pakaian seragam, Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan hendak-lah di-pakai.

Lagi enam orang penuntut lanjutan pelajaran di-U. K.

BANDAR BRUNEI. — Enam orang penuntut Brunei telah berlepas ka-United Kingdom untuk melanjutkan pelajaran mereka di-sana.

Mereka ia-lah Awang Zakaria bin Abd. Latif, Awang Mohammad Janin bin Erih, Awang Ahmad bin Matnoor, Awang Mohammad Yusof bin Ismail, Dayang Rosniah bte Mohammad Hassan dan Dayang Sofia bte Mohammad Taha.

Awang Zakaria akan menuntut di-Maktab Teknology dan Seni Cambridgeshire, Awang Mohammad Janin di-Maktab Teknikal Exeter, Awang Ahmad dan Awang Mohammad Yusof akan menuntut di-Cambridge Tutors, Warlingham, Surrey.

Ke-empat2 penuntut itu akan mengambil peperiksaan peringkat 'A' sa-belum masuk ka-universiti.




Empat dari enam orang penuntut yang telah berlepas ka-U.K. pada minggu lalu. Dari kiri: Dg. Sofia, Dg. Rosniah, Awg. Ahmad dan Awg. Mohd. Yusof.

Awang Mohd. Janin mengharapkan memperolehi kelayakan dalam ilmu sejarah dan diploma dalam pelajaran, Awang Ahmad dalam jurusan ekonomi, Awang Mohd. Yusof dalam jurusan politikal sains dan Awang Zakaria akan mengambil ilmu ke-juruteraan.

Sementara Dayang Rosniah dan Dayang Sofia akan menjalani kursus setia usaha sa-lama dua tahun di-Maktab Secretarial Saint James, London.

Semua penuntut itu melanjutkan pelajaran atas biasiswa Kerajaan.



Kerja2 menembok di-Jalan Residency berjalan lancar

BANDAR BRUNEI.—Kerja2 menembok tebing Sungai Brunei di-sepanjang Jalan Residency sedang berjalan dengan lancar menurut jadual.

Dalam masa empat bulan lalu, Sharikat Pemborong Sin Yen telah menyiapkan kerja2 menembok sa-jauh 350 kaki, lebih dari 1,000 kaki kerja2 penggalian — dari kawasan Kelab Kapal Layar hingga ka-Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British telah pun selesai dan pailing sedang di-jalankan.

Menurut ranchangan, tebing sungai di-Jalan Residency itu akan di-tembok, kawasan2 rendah akan di-timbus dan tanah2 tinggi akan di-ratakan.

Gambar atas menunjukkan tiang2 batu yang akan di-gunakan untuk pailing di-sepanjang sungai tersebut.

2,700 ingin masuk Sekolah Inggeris

BANDAR BRUNEI. — Lebih dari 2,700 orang murid dari sekolah2 rendah Melayu dan Tiong Hwa di-negeri ini telah memasuki peperiksaan pemilihan untuk masuk ka-sekolah2 Inggeris Kerajaan pada tahun hadapan.

Sa-ramai 1,367 orang daripadanya ia-lah murid2 perempuan.

Menurut pechahan, 723 orang murid dari Bahagian Brunei Satu; 674 orang murid dari Bahagian Brunei Dua; 197 orang dari Brunei Tiga; 316 orang dari Tutong Satu,

LEBEH 200 ORANG SERTAI LUMBA BASIKAL 67 BATU

BANDAR BRUNEI.—Lebih dari 200 orang telah mendaftarkan nama untuk menyertai perlumbaan basikal sa-jauh 67 batu yang akan diadakan pada 29 September ini.

Perlumbaan yang bermula dari Kuala Belait ka-Bandar Brunei itu ada-lah kali keduanya di-anjarkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei untuk memperingati hari kepuspaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Pengerusi Perlumbaan, Awangku Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu berkata, dari jumlah tersebut sa-ramai 155 orang peserta dari Daerah Brunei-Muara, 30 orang dari Daerah Belait, 15 orang dari Tutong dan sa-orang dari Temburong.

Sa-banyak 29 buah pasokan yang mengandongi lima orang peserta tiap2 satu pasokan

akan menyertai perlumbaan tersebut. Dua puluh pasokan dari Daerah Brunei - Muara, empat dari Belait dan satu dari Tutong.

Awangku Haji Mohammad menyeru kepada semua peserta2 dari Daerah Brunei-Muara supaya datang ka - rumah sakit Bandar Brunei pada 19 dan 20 September jam 9.30 pagi untuk menjalani pemeriksaan kesihatan.

Awangku Haji Mohammad menambahkan, hanya peserta2 yang di-akui sehat oleh pegawai perubatan sahaja diterima menyertai perlumbaan tersebut.

Beliau juga menyeru kepada peserta supaya berlateh lebih giat lagi sa-belum perlumbaan itu di-jalankan.

Awangku Haji Mohammad juga menyatakan, Majlis Belia2 Negeri Brunei berchadang akan menghantar empat orang pelumba basikal untuk mengambil bahagian dalam perlumbaan basikal yang akan diadakan di-Melaka, Malaysia Barat pada 25 dan 26 Disember tahun ini.

KELUARAN SETEM KHAS

BANDAR BRUNEI. — Satu keluaran setem2 khas bagi memperingati siapnya bangunan Lapau dan Dewan Majlis di-Bandar Brunei akan di-jual di-pejabat2 pos seluruh negeri pada 23 September ini.

Setem2 tersebut berharga 12 sen, 25 dan 50 sen.

PEMBANTU RUMAH SAKIT BERKURSUS DI-UNITED KINGDOM

BANDAR BRUNEI. — Awangku Ali bin Pengiran Haji Othman, sa-orang pembantu rumah sakit yang bertugas di-Rumah Sakit Besar Bandar Brunei telah di-pilih untuk menjalani kursus pentadbiran sa-lama dua tahun di-United Kingdom.

Awangku Ali akan menghadiri kursus itu di-City of Westminster College, London untuk mengambil diploma mengenai pentadbiran rumah sakit.

Awangku Ali yang mula berkhidmat di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan sa-bagai pembantu rumah sakit perchubuan dalam tahun 1961 adalah merupakan kaki - tangan perubatan yang pertama di-hantar oleh kerajaan untuk menjalani kursus sa-rupa itu.

Beliau ia-lah sa-orang jururawat lelaki yang berkelayakan telah lulus kursus jururawat dan memegang jawatan sa-bagai Pembantu Rumah Sakit dalam tahun 1965.

RAJIN

Pengarah Perkhidmatan dan Perubatan, Dato P. I. Franks telah mensifatkan Awangku Ali sa-bagai sa-orang yang rajin dan telah mendapat pelajaran tinggi-nya dengan menghadiri kelas2 malam.

Beliau telah lulus peperiksaan Sijil Seberang Laut dengan mendapat Pangkat Kedua dan juga lulus beberapa mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Am (G. C. E.) perengkat biasa.

Dato Franks melahirkan harapan agar kejayaan yang di-chapai oleh Awangku Ali itu akan menjadi chontoh tauladan kepada lain2 orang.

Awangku Ali di - jadualkan berlepas ka-United Kingdom pada 27 September ini.

Setem2 tersebut akan di-jual di-semua pejabat2 pos sa-lama tiga bulan atau sahingga habis dalam simpanan.

Ketua Pos Agong, Haji Awang Ali Khan berkata, sampul2 surat hari pertama yang berharga 20 sen boleh di-beli dari pejabat2 pos di-seluruh negeri.

MASHARAKAT Islam yang sejati dapat diumpamakan seperti bangunan, saling sukong menyukong, dan saling mengerti dan bertolong2an, yang kuat menolong yang dhaif dan yang pandai memimpin yang bodoh, yang berkuasa mempergunakan kekuasaan-nya untuk kebahagiaan orang ramai dan negara, begitu-lah sa-terus-nya.

Hidup di-dalam dunia ini, tidak semua orang yang bernasib baik, sungguh pun semua orang itu berchita2 untuk menchapai kebahagiaan hidup, terbit daripada hukum alam yang sa-demikian, maka terdapat-lah perbedzaan dalam kehidupan, perbedzaan yang di-maksudkan itu ia-lah wujud-nya gulongan2 yang berada atau gulongan2 yang kaya, di-samping itu terdapat pula gulongan2 yang miskin dan papa.

Dalam Islam, kekayaan yang di-punyai oleh sa-saorang itu tidak-lah berarti bahawa semua kekayaan itu untuk dirinya sahaja, bahkan sa-bahagian daripada kekayaan itu, terletak kepada jumlah dan masa-nya ada-lah menjadi hak orang2 yang tertentu di-antara-nya ia-lah fakir miskin.

Menyedari akan hakikat bahawa sa-bahagian daripada kekayaan yang di-punyai orang2 kaya itu ada-lah hak orang2 lain, sa-patut-nya diberikan kepada orang2 yang berhak menerima-nya itu sa-perti fakir dan miskin, maka di-sini ingin-lah di-kesahkan sa-buah cherita pengajaran yang tersebut dalam surat Al-Qalam, dari ayat 17 hingga ayat 33.

Maksud kesah di-dalam Al-Koran itu ada-lah seperti berikut:

“Sa-kumpulan orang yang mempunyai kebun buah2an yang luas telah bersumpah bahawa mereka akan memetik buah2an dalam kebun mereka itu pada pagi2 hari dengan tidak menguntokkan sa-bahagian daripada-nya kepada orang2 miskin. Pada hal kebun tersebut ada-lah warisan yang mereka terima daripada sa-orang yang baik, orang itu satriap kali ia akan memetik buah dalam kebun itu di-buat-nya satu kenyataan agar orang2 yang berhak seperti orang miskin hadir ka-kebun itu untuk mengambil bahagian mereka daripada kekayaan rahmat Tohan itu.”

Orang baik hati itu meninggal, kebun-nya di-warisi oleh anak2-nya. Ketika sampai waktu memetik buah2an itu, mereka bertukar2 fikiran yang berkisar pada, Adakah terdise bapa mereka itu mahu diikut atau tidak, yakni adakah orang2 miskin mahu di-beri tahu supaya mereka datang mengambil hak mereka, per-

TULONG MENULONG ANTARA SA-SAMA ISLAM

- Yang kuat menolong yg. dhaif
- Yang pandai memimpin yang budoh
- Yang berkuasa mempergunakan kekuasaan-nya utk. kebahagiaan orang ramai dan negara

KHUTBAH JUMA'AT

tukaran fikiran itu menimbulkan keputusan yang berupa sumpah bahawa mereka akan memetik buah2an dengan senyap2 dan bahagian orang2 miskin di-tiadakan. Mereka berazam akan memetik buah2an itu sa-chara senyap2 di-sabelah pagi supaya tidak di-ketahui oleh orang2 miskin, dan mereka tidak lagi menyatakan Insha Allah, mereka menyangka bahawa mereka berkuasa untuk menahan atau menghalang orang2 miskin daripada mendapatkan hak mereka.

Sedang mereka nyak tidor di-ulit oleh mimpi2 yang indah, maka Tuhan menurunkan mala petaka ka-dalam kebun mereka itu, kebun mereka pun musnah, buah2an mereka menjadi korban-nya.

Pada pagi2 itu, mereka pun pergi-lah berjalan ka-kebun mereka dengan penoh kebanggaan bahawa hak mereka tidak akan berkurangan, kerana orang2 miskin tidak turut

menchampori mereka, tetapi kegembiraan mereka itu bertukar menjadi muram, — mereka hairan dan bertanya2 sa-olah2 mereka sesat jalan, tetapi sa-telah mereka mengamati2 bahawa kebun mereka telah musnah, dan mereka tidak sampai menikmati hasil kebun mereka itu.

Apabila mereka melihat kemusnahan yang telah menimpa kebun mereka itu, maka mereka pun terasa bahawa mereka telah sesat daripada kebenaran ketika mereka ingin menghalang orang2 miskin daripada mendapatkan hak mereka. Hajat mereka hendak menghalang orang2 miskin itu telah di-balas oleh Tuhan dengan menurunkan mala petaka yang lebeh dashat, ia-itu kehilangan nikmat sama sekali.

Demikian-lah seksa dunia, sedangkan seksa di-akhirat nanti lebeh dashat lagi.

Demikian maksud sa-buah kesah di - dalam Al-Koran mengenai dengan orang2 yang



kaya yang tidak mahu menunaikan tugas mereka, ia-itu tidak mahu memberikan sa-bahagian daripada harta mereka kepada yang berhak menerima-nya, seperti orang miskin, dan sa-benar-nya sa-bahagian harta itu bukan-lah menjadi milek orang2 kaya itu, bahkan ia menjadi hak orang lain.

Patut-lah di-ingat daripada pengajaran kesah Al-Koran itu bahawa Tuhan berkuasa memusnahkan harta benda dan kekayaan sa-saorang itu dalam sa-kelip mata sahaja. Dari itu taat-lah kepada ajaran2 Allah, dan tunaikan-lah kewajipan termasuk-lah mengenai dengan kewajipan dari segi kekayaan harta benda.

Peraduan membacha Koran Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Pertandingan membacha Al-Koran bagi Daerah Tutong akan di-adakan di - Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong pada 20 September ini mulai pukul 7.30 malam.

Sa-ramai 23 orang peserta termasuk 9 orang perempuan akan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Johan dan naib-johan dalam tiap2 bahagian akan mewakili Daerah Tutong ka-pertandingan peringkat negeri yang akan di-adakan di-Banda Brunei dalam bulan hadapan

Pertandingan tersebut akan di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh sementara hadiah2 akan di-sampaikan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Wahab bin Orang Kaya Setia Negara Mohammad Safar.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17 Sept., 1969 hingga ka-hari Selesa 23 Sept., 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari							Matahari
Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
17 Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-10
18 Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-45	6-10
19 Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-10
20 Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-10
21 Sept.	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
22 Sept.	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
23 Sept.	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

17 Sept., 1969

SOKAN KITA

SEJAK akhir2 ini amat jelas kelihatan bahawa Brunei sudah menampakkan keinginan-nya yang besar dalam berbagai lapangan sokan yang bukan hanya sa-takat herok-pekok sokan dalam negeri bahkan juga menampakkan kemampuan2 dalam arena sokan luar negeri.

Di-samping itu, dengan pengalaman2 yang di-perolehi hasil dari penjelajahan itu, sudah barang tentu pula kita mengharapakan supaya taraf sokan kita akan menempoh perubahan2 yang besar dalam berbagai2 segi demi untuk menyaingi taraf sokan antara bangsa di-mana kita mempunyai keinginan yang besar untuk sama2 berkecimpung di-dalam-nya.

Ahli2 sokan kita di-negeri ini ternyata mempunyai bakat yang amat baik dan mereka mempunyai harapan untuk maju dalam lapangan masing2. Banyak orang menekankan bahawa untuk mengasah bakat yang sedia ada itu mesti ada jurusan2 pengasah yang tertentu yang tugas-nya tidak lain dari memberikan bimbingan2 dalam lapangan2 sokan yang di-chendongi oleh ahli2 sokan kita itu.

Hakikat ini kita tidak-lah berniat untuk menafikan-nya, malah menganggap perkara tersebut sa-bagai suatu perkara yang wajib di-lakukan demi untuk meninggikan taraf sokan kita. Tetapi jika di-terima sa-bagai suatu kesilapan, maka kita mendapati bahawa di-negara kita ini masih bertakhta satu "perangai" yang hanya semata2 mengharapakan kepada usaha2 dari satu pihak sahaja ia-itu pihak Kerajaan. Perangai seperti ini bukan hanya berlaku ka-atas perkara2 seperti kebajikan, tetapi juga masih terjadi ka-atas lapang2 sokan.

Peminat2 sokan yang ramai bilangan-nya di-negeri ini, terutama kepada yang mempunyai kemampuan2 harus-lah mengujudkan kata-sepakat mereka pada mencari jalan untuk mengadakan galakan2 dalam lapangan2 sokan yang tertentu. Dan ada-lah amat wajar jika saudagar2 tempatan terfikir untuk menyumbangkan jasa baik mereka dalam lapangan ini dan bagitu juga ada-lah di-alu2kan jika terdapat sumbang-an2 dari pihak2 yang tertentu.

Satu perkara lagi ia-lah tentang kurang-nya peraduan2 dalam lapangan2 sokan yang tertentu terutama lapangan permainan bulu-tangkis. Beberapa tahun yang lalu kita mengikuti peraduan2 dalam lapangan ini, tetapi sejak itu hingga sekarang kurang benar kita dengar peraduan2 itu di-anjarkan khas-nya di-Daerah Brunei sendiri. Peraduan2 ia-lah satu galakan yang amat baik untuk mencapai taraf permainan yang chemerlang dan kita di-Brunei tidak kurang dengan pemain2 badminton yang berbakat, terutama yang masih muda. Maka itu ada-lah di-harapkan supaya pihak2 yang tertentu atau persatuan2 belia satu masa nanti akan timbul sa-bagai penganjur tahunan dalam peraduan badminton khas-nya dan lain2 perlakuan sokan am-nya.



Gambar atas menunjukkan tiga orang ahli pertubuhan Photography Maktab S.O.A.S. yang mendapat kejayaan chemerlang dalam peraduan seni foto antara penuntut2 Borneo. Dari kiri, Amran Mohd. Noor dengan gambar2-nya yang berjaya mendapat Pingat Emas dan Pingat Gangsa; Dayang Koh Bee Moi dengan gambar-nya yang mendapat Pingat Emas; dan Ak. Md. Taib bin Pg. Mohammad dengan gambar2-nya yang mendapat Pingat2 Emas.



Foto chiptaan Dayang Koh Bee Moi yang bertajuk "Adakah saya chome!" mendapat Pingat Emas antara peserta2 dari Brunei.




Foto chiptaan Ak. Bakar bin Pg. Haji Ismail yang bertajuk "Maghrib" berjaya mendapat Pingat Perak antara peserta2 Borneo.

SENI FOTO YANG CHEMERLANG DI-KALANGAN PENUNTUT2



Foto chiptaan Tan Seng Kheng dari Sarawak yang bertajuk "Anggerek" mendapat Pingat Gangsa.



Foto chiptaan Ak. Md. Taib bin Pengiran Mohammad yang bertajuk "Ingin Tahu" berjaya mendapat Pingat Emas antara penuntut2 Borneo.

KEGIATAN penuntut2 Brunei dalam lapangan seni foto telah menampakkan hasil2 yang chemerlang yang sudah barang tentu tidak dapat di-nafikan untuk perkembangan-nya yang lebih meluas di-masa depan.

Penuntut2 yang paling chergas bergerak dalam lapangan seni foto ini ia-lah dari Maktab Sultan Omai Ali Saifuddin yang dengan semangat dan keyakinaran untuk maju telah sama2 menubuhkan sa-buah Pertubuhan Photography kira2 lima tahun yang lalu dengan di-pimpin oleh Pemangku Pengetua Maktab Awang J. R. Stevens.

Dengan tertubuh-nya pertubuhan tersebut, sa-langkah demi sa-langkah penuntut2 yang meminati seni foto di-maktab itu telah dapat mempelajari lebih baik lagi akan jurusan2 yang memerlukan perhatian yang sungguh2 untuk menchipta satu hasil kerja seni yang bernilai tinggi.

Baru2 ini, ahli2 pertubuhan tersebut dengan bimbingan Pemangku Pengetua Maktab dengan berani telah menganjarkan satu peraduan seni foto yang terbuka kepada penuntut2 Borneo yang sambutan-nya ada-lah luar dari dugaan.

Lebih dari 200 keping gambar dari penuntut2 seluruh Borneo telah di-terima oleh jawatankuasa peraduan dan 80 keping di-antara-nya telah terpilih untuk di-pamerkan yang berlangsung di-Maktab S.O.A.S. dari 11 hingga 14 September yang lepas.

Di-samping gambar2 untuk peraduan itu di-pamerkan, berpuluh2 keping gambar semasa sambutan hari Perpustakaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada 1 Ogos, 1968 yang di-ambil oleh ahli2 Pertubuhan Photography Maktab S.O.A.S. telah juga di-pamerkan.

Salah sa-orang hakim dalam peraduan itu, Awang Kamaluddin P. H. A. Bakar, Ketua Bahagian Penggambaran Jabatan Penyiaran dan Penerangan mensilahkan gambar2 pada sambutan hari Perpustakaan itu mempunyai nilai penggambaran yang tinggi sa-bagai gambar2 yang dapat mengabadikan hari yang bersejarah itu.

Hakim2 lain yang mengadili peraduan itu ia-lah Awang J. R. Stevens Pemangku Pengetua Maktab SOAS; Awang Lu Ming Sheng A.P.S.C., P.S.A., International Star Exhibitor; dan Awang Liew Kok Pheng A.P.S.C.

Keputusan hakim2 telah menunjukkan bahawa Brunei mendapat sa-buah Pingat Emas, satu Pingat Perak dan satu Pingat Gangsa. Sarawak memperolehi satu Pingat Perak dan tiga Pingat Gangsa, sementara Sabah telah berjaya mendapat satu Pingat Gangsa.

Pada keseluruhan-nya, gambar2 yang mendapat pingat2 kejayaan itu telah dapat mencapai ka-satu taraf seni foto yang sudah boleh di-ketengahkan ka-peringkat antara bangsa. Gambar2 tersebut sudah menampakkan ciri2 penchiptaan yang amat chemerlang yang dapat menggambarkan satu usaha kerja yang mempunyai harapan besar di-masa depan.



Foto chiptaan Chai Siong Kee dari Sarawak bertajuk "Pengintip" yang berjaya mendapat Pingat Perak antara Borneo.



Para hakim yang terdiri dari kiri Awang J. R. Stevens, Lu Ming Seng, Awang Kamaluddin dan Liew Kok Pheng.



Foto chiptaan Amran Md. Noor yang bertajuk "Kesaorangan" berjaya mendapat Pingat Gangsa antara penuntut2 Borneo.



Foto chiptaan Lim Keng Kuok, Sarawak bertajuk "Chiptaan putih hitam" yang berjaya memasuki pameran.

ADAPUN tajok perbincangan kita dalam ruangan pelajar kali ini ialah 'Nobel, Nobelis, dan Peminat Nobel' yang sama2 kita mulakan pada minggu lepas, dan yang sama2 pula kita akhiri kali ini; dengan memperkatakan nobel 'Atheis'.

Thema atau pun dasar-cherita nobel 'Atheis' ia-lah suatu 'situasi' (keadaan) di-mana watak utama-nya Hasan berdiri sa-bagai figura, sa-bagai lambang atau wakil daripada manusia2 saperti-nya di-mana2 sahaja mereka itu berada, bahkan di-seluruh dunia, di-bawa ka-bidang pengujian-nya dalam dunia yang berbilang isma (fahaman), ia-lah Theisma (fahaman ada-nya Tuhan), Atheisma (fahaman tidak ada-nya Tuhan), Anarkiisma (fahaman diri-sendiri sa-bagai Tuhan), Aknotiisma (fahaman ada-atau-tak ada-nya Tuhan tidak dapat di - buktikan), Nihilisma (fahaman kosong melombong) Anythingiranisma (fahaman menerima sa-barang keyakinan asal menguntungkan diri) dan sa-bagainya. Dalam perbenturan antara ada-nya Tuhan dan tiada-nya Tuhan, hanya orang yang tegoh iman atau kepercayaan atau pun keyakinan-nya kepada Allah Subahanahu Wata'ala itu-lah yang akan tahan uji, sedangkan yang lemah sa-bagai Hasan akan menjadi mangsa - korban perbenturan itu.

Cherita nobel 'Atheis' berkisar dalam riwayat hidup sa - orang teruna Hasan, berasal dari Panyeredan, Sunda, di-besarkan dan di-didik oleh orang tua-nya Raden Wiradikarta dalam dunia Islam orthodox. Ayah - nya, bekas mentri-guru yang sangat2 dipengaruhi oleh sa-orang mistikus (ahli kebathinan) ia-itu Haji Dahlan, berchita2 agar Hasan kelak menjadi sa-orang guru yang saleh, alim. Tetapi kehidupan-nya di-Kota Bandung, di-mana dia

bekerja sa-bagai pegawai Jabatan Perayeran, lambat laun mengubah pendirian-nya. Dia di-pengaruh oleh chara-berfikir Rusli, teman-nya sa-orang penganut paham Marx atau Atheisma; sedangkan hati-nya pula di-tawan oleh Kartini, bekas isteri sa-orang cheti 'Arab. Iman-nya bertambah bergonchang apabila ia berkenalan dengan Anwar sa-orang pemuda anarkis. Hasrat-nya meng-Islamkan Rusli dan Kartini bukan saja gagal, bahkan dia sendiri di-kafirkan oleh trio, ia-itu Rusli, Kartini dan Anwar. Perkahwinan-nya dengan Kartini hanya berlangsung selama 3½ tahun, yang di-akhiri dengan percheriaan. Penderitaan-nya di-ikuti pula oleh tolan ayah-nya yang tidak lagi menganggap dia sa-bagai anak sebab ia telah terjerumus ka-dalam dunia atau masyarakat 'kafir'. Akhir-nya ia mati dalam tahanan Kenpeitai Jepun, sa-telah bertembak sa-masa dia berlari sa-perti orang gila di-tengah jalan masa bahaya udara berlangsung, sebab dia menyangka bahawa isteri-nya telah menduainya dengan Anwar. Namun, Hasan tidak pernah menjadi sa-orang Atheis dalam arti yang sapenoh-nya, sa-bagaimana akhir cherita itu menyatakan, apabila ia tertembak, dalam padamana bersama gema peluru Jepun yang berdentum 'tar' 'tar', sa-buah pengakuan di-lepaskan bibir-nya yang merana Allahu Akbar.

Johan bola sepak



TUTONG. — Pasukan Pakatan Sang Jati Dusun telah munchol sabagai johan sa-telah mengalahkan pasukan Persatuan Pemuda Pemuda Melayu Lamunin dalam perlawanan akhir bola sepak anjoran Persatuan Melayu Keriam.

Perlawanan tersebut ada-lah sa-bahagian dari acara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Daerah Tutong.

Sa-banyak 25 buah pasukan terdiri dari satu2 belia, dan lain2 pertubuhan di-daerah itu telah mengambil bahagian.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohammad Salleh bin Haji Masri.

Gambar atas menunjukkan pasukan Pakatan Sang Jati Dusun bergambar bersama2 dengan piala kemenangan mereka.

NOBEL, NOBELIS, DAN PEMINAT NOBEL

(Sambongan minggu lalu)

OLEH

AWANG RAYMOND PHOA KIM HONG

Perwatakan dalam nobel 'Atheis' tidak ramai, dan yang mempengaruhi jiwa dan kehidupan Hasan ia-lah, antara lain, Rusli si-Atheis, Kartini, janda cheti 'Arab; Anwar, si-Anarkis; dan Raden Wiradikarta, ayah-nya dan juga figura Islam yang kukuh. Dan jalinan Hasan-Kartini-Rusli-Anwar ada-lah merupakan suatu dramatik perwatakan yang amat lancar jalan-nya dan hidup dalam ingatan manusia yang membacanya.

Pelot atau jalan cherita nobel 'Atheis' itu pula ada-lah berdasarkan sa-langkah demi sa-langkah meningkat kepada klimaks, dan di-akhiri dengan penyelesaian.

Memang suatu anti-klimaks yang terdapat dalam-nya ia-lah meninggal-nya ayah Hasan, yang menolak kehadiran-nya walau pun dia memohon ampun di-saat ajal merenggut jasat si-ayah tadi. Unsur klimaks-nya pula terletak pada percheriaan Hasan yang di-tinggalkan oleh Kartini tidak berapa lama sa-telah dia di-tampar dan tersungkur di-atas lantai. Memang teknik penggubahan cherita-nya berdasarkan timbal-balik (flash-back) dan 'suspense' sa-chara besar2an dan mengashikkan.

Sa-kali lagi, nobel 'Atheis' menggambarkan watak Hasan yang bergolak dalam dunia materialistik, atheistik, yang akhir-nya terkorban dalam pergolakan itu. Hasan sa-bagai banyak2 pemuda-pemudi zaman sekarang, hidup dalam keperchayaan yang terumbang-ambing sebab tidak dapat mengambil pendirian yang tetap, tegas, dan menjadi korban idologi Rusli (walaupun sa-telah telambat dia bertobat dan kembali kepada Allah-nya), dan terlebih2 lagi oleh Kartini yang menawan indera-nya ka-6, sa-bagaimana kata orang dalam bahasa Inggeris, "I wrote 'no throughfare; but love came by and said, 'who cares' atau sa-bagaimana kata sa-orang pujaangga asing pula, "love is a feeling you felt when you felt you are going to feel a feeling your never felt before".

Sekian dan terima kaseh.

Perlawanan hoki anjoran P.M.L.D.

TUTONG. — Persatuan Melayu Luagan Dudok akan menganjorkan perlawanan hoki tahunan kali yang ke-empat lewat bulan ini.

Perlawanan tersebut juga ada-lah bagi memperingati

Sepak raga jaring

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 27 pasukan dari 17 buah persatuan2 belia, sekolah2 dan maktab2 akan menyertai perlawanan Sepak Raga Jaring anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Perlawanan tersebut ada-lah sa-bahagian dari acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-23 tahun di-Daerah Brunei-Muara.

Perlawanan tersebut di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu bahagian A dan B.

Sa-banyak 13 buah pasukan bertanding dalam bahagian A dan 14 buah yang lain-nya bertanding dalam bahagian B.

Perlawanan yang telah di-mulakan sejak 11 September lepas itu di - jalankan sa-chara league dan di - adakan di - Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-23 tahun dan akan di-langsungkan di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong.

Perlawanan yang akan di-jalankan sa-chara sistem kalah mati itu hanya terbuka kepada persatuan2 belia, jabatan2 kerajaan dan sekolah2 menengah di-Daerah Tutong.

Tiga buah piala rebutan akan di-pertandingan — sa-buah hadiah Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh, Yang Berhormat Awang Abdul Wahab bin Orang Kaya Setia Negara Mohammad Safar dan Haji Awang Zainal Abidin bin Bendahari Mohammad.

Pasukan yang ingin menyertai perlawanan hoki itu bolehlah berhubung dengan Awang Abdul Aziz bin Haji Daud di-Sekolah Menengah Melayu Pertama, Tutong dan Awang Ali bin Haji Mokti di-Jabatan Pelajaran, Tutong.

Pegawai bomba hadhiri kursus di-Hong Kong

BANDAR BRUNEI. — Dua orang Penolong Pegawai Balai dari pasukan Perkhidmatan Bomba Brunei telah berlepas ka-Hong Kong untuk menjalani latihan sa-lama enam bulan di-Sekolah Latihan Perkhidmatan Bomba di-tanah jajahan itu.

Mereka ia-lah Awang Abdul

Latif bin Mail dan Awang Mohammad Sa'at bin Tain.

Sa-lama menjalani latihan, kedua2 pegawai itu akan mempelajari dalam jurusan pentadbiran dan lain2 aspek perkhidmatan bomba. Ini ada-lah kumpulan yang ketiga ahli2 bomba di-hantar ka - Hong Kong untuk menjalani latihan yang sama.

Bakal Pegawai A.M.D.B.

PASOKAN Askar Melayu Di-Raja Brunei mempunyai beberapa kekosongan sa-bagai bakal2 pegawai bagi pengambil-bilan bulan Disember tahun ini dan mempelawa pemohon2 dari anak2 tempatan yang ber-kelayakan.

Sa-orang pemohon mesti-lah di-lahirkan di-Negeri Bru-nei yang biasa-nya terdiri dari Bangsa Melayu sama ada, puak Belait, Bisayah, Brunei, Kedayan, Murut atau Tutong.

Pemohon2 yang bukan dari puak2 yang di-sebutkan tadi, mereka hendak-lah beragama Islam, menurut adat resam Melayu yang di-amalkan di-negeri ini dan hendak-lah ra-ayat Duli Yang Maha Mulia menurut undang2 yang tertulis berkenaan dengan kebangsaan.

Pemohon2 mesti-lah lulus2 sekurang2-nya Form V dari sekolah Inggeris, berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan masih bujang.

Ukuran badan sekurang2-nya lima kaki tinggi dan berat badan tidak kurang dari 100 pound.

Chalun2 yang berjaya akan menjalani lathen asas tentera di-Khemah Berakas sa-lama enam bulan dan sa-telah berjaya men-jalani lathen itu, mereka akan di-hantar ka-sekolah kadet pegawai sama ada di-England atau di-Aus-tralia.

Sa-orang atau dua orang chalun akan di-hantar untuk menjalani lathen Kadet Angkatan Laut sama ada di-England atau di-Australia.

Kemudian dalam perkhidmatan mereka, pegawai2 itu mungkin akan di-pilih untuk menjalani kursus seperti berikut: — Lathen unibersiti bagi chalun2 yang mem-punyai kelayakan pelajaran yang tertentu, lathen dalam hal yang tertentu seperti semboyan meriam katak, kereta perisai dan lathen sa-bagai pemandu pesawat helikop-ter.

Keterangan2 yang lebih lanjut boleh di-dapati dari Adjutan, Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Pemohonan2 yang bertulis hendak-lah di-hantar kepada Pega-wai Pemerintah, Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Per-khemahan Berakas tidak lewat dari 29 September 1969.

Jawatan-Jawatan-Kosong Di-Jabatan Kebajikan Masyarakat

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk me-menuhi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kebajikan Masyarakat, Brunei.

(a) Penjaga Kolam

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah ber-umur di-antara 18 dan 25 tahun dan lulus se-kurang2-nya Darjah VI Sekolah Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1 — 2 \$200 x 10 — 230/240 x 10 — 270.

(b) Penjaga Bilek Bachaan/Perpustakaan

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah ber-umur di-antara 18 dan 25 tahun dan lulus se-kurang2-nya Darjah VIII Sekolah Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1 — 2 EB 3 — \$200 x 10 230/240 x 10 — 270/EB 280 x 10 — 330.

Pemohonan2 daripada Pe-gawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghan-tarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan

satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak - lah di - kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 28 September, 1969.

Sa-bagai Mondor

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Ke-rajaan yang sedang ber-khidmat dan menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Man-dor di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 dan 30 tahun.

b) Hendak - lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu.

c) Pemohon2 mesti-lah berkhidmat dengan Kerajaan se-kurang2-nya selama lima tahun.

Gaji: Dalam sukatan gaji F. 2 EB 3 — \$180 x 5 — 195/EB/200 x 5 — 220.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jaba-tan siapa di-kehendaki meng-hantarkan laporan2 sulit men-genai pemohon2 bersama2 de-ngan satu Chatetan Perkhid-matan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di - atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan ka-pada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 September, 1969.

Di-Jabatan Talikom

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi ra'ayat atau yang ber-hak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan un-tuk memenuhi jawatan2 ko-song di - Jabatan Talikom, Brunei.

(a) Talipon Operator Perem-uan Tingkat II (2 bagi Bandar Brunei dan 2 bagi Kuala Belait).

Kelayakan2:

(a) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 17 dan 25 tahun.

(b) Mesti-lah lulus se-kurang2-nya Form II Inggeris atau yang bersamaan.

(c) Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mahir bercha-kap dalam bahasa Melayu dan Ing-geris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 \$200 x 10 — 270.

(b) Talipon Operator Lelaki Bagi Kerja Malam (Satu bagi Bandar Brunei dan satu bagi Kuala Belait).

Kelayakan2:

(a) Pemohon mesti-lah berumur di - antara 17 dan 25 tahun.

(b) Mesti-lah lulus se-kurang-nya Form II Inggeris atau yang bersamaan.

(c) Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mahir berchakap dalam ba-hasa Melayu dan Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 2 — 3 \$270 x 15 — 360 x 20 — 480.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di - atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan ka-pada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 30 September, 1969.



JABATAN KEBAJIKAN BERI BANTUAN KPD. SA-ORANG BUTA

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memberi bantuan kewangan kepada sa-orang buta untuk memodali beliau menjalankan pekerjaan membuat bakul.

Beliau ia-lah Awang Ishak bin Abdul Salam, berumur 21 tahun.

Awang Ishak yang berasal dari Seria baru saja balek dari Malaysia Barat sa-telah mendapat sijil dalam menganyam dan membuat bakul di-Wokshop Kinta Valley dan Pusat Latehan Orang2 Buta di-Ipoh, Perak.

Beliau telah berada di-Pusat Latehan Henry Gurni di-Kuala Lumpur sa-lama sa-tahun dan di-Wokshop Kinta Valley dan Pusat Latehan Orang2 Buta di-Ipoh sa-lama dua tahun.

Pemergian Awang Ishak di-tanggung oleh kerajaan.

Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Awang Mohd. Salleh bin Masri mene-gaskan bahawa pertolongan itu ada-lah untuk membolehkan Awang Ishak menjalankan per-usahaan tersebut sa-bagai mata pencharian beliau.

Pehin Orang Kaya Laila Wangsa berkata, wang bantuan dan hasil jualan bakul2 itu nanti akan terus di-beri kepada Awang Ishak.

Beliau sa-lanjut-nya ber-kata, Jabatan Kebajikan Masyarakat dari satu masa ka-satu masa akan memberi perhatian kepada usaha Awang Ishak dan akan mem-berikan pertolongan yang di-perlukan oleh beliau.

Pesuruhjaya Kebajikan itu melahirkan harapan moga2 dengan ada-nya bantuan yang di-berikan itu, Awang Ishak akan dapat berusaha dan menchari keperluan-nya sa-hari2.



Y.D.M. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohd. Salleh sedang menyampaikan sijil kepada Awang Ishak di-pejabat-nya pada minggu lepas.



Yang Di-Pertua Persatuan Badminton Malaysia, Yang Berhormat Inche Khir Johari yang mengetahui pemain2 Thomas Cup dalam kunj-jongan ka-wilayah Boreno (dua dari kanan) ketika di-raikan dalam satu jamuan yang di-adakan di-rumah Awang Ong Kim Kee, (kiri sekali) sa-orang saudagar tempatan pada malam hari Jumaat lepas. Nombor 2 dari kiri ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara yang sama2 meraikan kunjungan pe-main2 Thomas Cup dari Malaysia

itu dan di-kanan sekali ia-lah Yang Berhormat Dato R. D. Ross, Pengurus Sharikat Borneo chawangan Brunei.

Pada malam itu juga pemain2 Malaysia yang handal itu telah menunjukkan permainan mereka di-Gelanggang Sekolah Menengah Chung Hwa dan mengadakan per-lawanan persahabatan dengan pemain2 tempatan dalam bahagian bergu.

B.S.P. tawarkan dermasiswa kpd. anak2 tempatan

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad sedang menawarkan dermasiswa kepada anak2 tempatan untuk kursus degree dalam jurusan kejuruteraan atau sains dari universiti di-United Kingdom mulai bulan September, 1970.

Pemohon2 hendak-lah mempunyai kelayakkan saperti berikut:—

- Warga negara Brunei atau yang layak di-daftarkan sa-bagai raayat Brunei.
- Berumur di-bawah 23 tahun pada 31 Disember, 1969.
- Lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut pangkat pertama.
- Lulus Sijil Persekolahan Tinggi atau yang bersa-maan.

Pemohonan2 dari chalun2 yang akan mengambil peperiksaan Sijil Persekolahan Tinggi pada tahun ini juga akan di-terima.

Dermasiswa2 itu akan di-berikan untuk sa-barang mata pelajaran bagi mendapatkan degree sa-lama lima tahun, tetapi pemohonan2 dari chalun2 yang ingin mengambil kursus yang lebih lama juga akan di - pertimbangkan. Dermasiswa2 itu tidak akan di-tawarkan untuk mendapatkan diploma bagi se-barang jurusan.

Bagi chalun2 yang belum lagi mengambil peperiksaan Sijil Persekolahan Tinggi, pemberian dermasiswa akan di-keluarkan apabila keputusan2 peperiksaan di-umumkan.

Pemohonan2 yang bertulis dengan memberikan butir2 mengenai diri sendiri, keputusan2 Sijil Persekolahan Seberang Laut dan Sijil Persekolahan Tinggi yang lengkap, jika ada dan jurusan yang di-kehendaki, hendak-lah di-alamat kan kepada Ketua Jabatan Perkhidmatan Kakitangan, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria.

Pemohonan2 hendak lah di-hantar sa-belum 22 September, 1969.

43 orang pelajar2 kelas dewasa terima sijil

BANDAR BRUNEI. — Penyusun Pelajaran Dewasa, Awang Umar bin Muhammad telah menyeru kepada semua pelajar2 dewasa supaya meninggikan lagi mutu pelajaran mereka dalam semua bidang ilmu pengetahuan sesuai dengan pergolakan dunia sekarang ini.

Awang Umar membuat seruan ini ketika berucap sa-belum menyampaikan sijil2 kepada 43 orang pelajar dewasa dari Sekolah Dewasa Kampong Burong Pinggai Ayer yang telah lulus peperiksaan baru2 ini.

Upacara penyampaian sijil2 itu telah di-adakan di-bangunan Persatuan Kampong Burong Pinggai Ayer pada

minggu lepas.

Awang Umar berkata, Jabatan Pelajaran bukan hanya setakat menyalurkan pelajaran menulis dan membaca kepada pelajar2 dewasa bahkan akan terus menggalakan bagi men-chapai pelajaran tinggi hingga ka-peringkat universiti.

Beliau juga menyeru semua pelajar2 kelas dewasa supaya tekun dan sabar dan tidak akan merasa bosan dalam menghadapi mata pelajaran mereka.

Sa-ramai 43 orang pelajar telah menerima sijil2 mereka pada hari itu. Dari jumlah itu sa-ramai 11 orang telah lulus peperiksaan peringkat tertinggi dan 32 orang telah lulus peringkat permulaan.

Penyakit untut, bukan malaria — Dato Franks

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato P. I. Franks berkata bahawa penyakit untut ada-lah sa-jenis penyakit yang boleh menimbulkan keadaan bengkak2 di-tuboh manusia.

Beliau menegaskan penyakit itu bukan-lah malaria, meskipun kedua2 penyakit untut dan malaria itu di-sebabkan oleh nyamok.

Dato Franks menyatakan demikian ketika mengulas laporan akhbar Bintang Harian keluaran 12 September yang telah salah menafsirkan satu siaran akhbar kerajaan

yang di-terbitkan pada 4 September lepas.

Siaran akhbar itu telah melaporkan kedudukan kejadian penyakit untut yang telah di-jumpai di-negeri ini.

Dato Franks berkata, kejadian penyakit malaria di-Brunei hampir2 hapus hasil dari usaha Projek Penghapusan Malaria.

Ketua Projek Penghapusan Malaria, Dr. Y. T. Wu menegaskan bahawa tidak ada kejadian penyakit malaria di-laporkan pada tahun lalu. Hanya beberapa kejadian sahaja yang di-kesan dari buroh2 luar yang di-serang oleh penyakit itu semasa mereka berada di-negeri asal mereka.